

**NO SOALAN : 87**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN  
NIK ABDUL AZIZ  
(PASIR MAS)**

**TARIKH : 01.08.17  
(SELASA)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan keadaan keselamatan di ESSZONE pada masa kini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Keadaan keselamatan di ESSZone masa kini pada keseluruhannya adalah terkawal. Kementerian Pertahanan sentiasa memandang serius berhubung keselamatan dan pertahanan Kawasan Tanggung Jawab (KTJ) Pantai Timur Sabah daripada berlakunya sebarang bentuk ancaman mahupun jenayah rentas sempadan di laut, khususnya dari pulau-pulau di Selatan Filipina.

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telahpun meningkatkan penempatan dan kehadiran trup serta aset tambahan di Pantai Timur Sabah yang melibatkan ketiga-tiga cabang perkhidmatan, iaitu Tentera Darat Malaysia (TD), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan juga Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Atur gerak operasi juga telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh setiap perkhidmatan di KTJ secara berterusan bagi memastikan tahap keselamatan dan keamanan terpelihara sepanjang masa.